

IQRA'

Bil. 4/2022
APRIL

eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**
PTAR Shah Alam - muka 4




**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**
PTAR Kuala Terengganu - muka 17




Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI
PTAR Segamat - muka 30



Quran Hour@PST
PST Shah Alam - muka 38

PROMOSI@PTAR



KUNJUNGAN HORMAT PTAR KEPADA TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR-HEP) 7 APRIL 2022

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mengadakan sesi kunjungan hormat kedua pada 7 April 2022 hari Jumaat bertempat di Dewan Seminar, Kolej Mawar. Sesi kunjungan kali ini telah menghimpunkan seramai 24 orang wakil PTAR dan pejabat HEP.

Majlis yang bermula tepat jam 9 pagi ini telah dimulai dengan ucapan Timbalan Naib Canselor HEP, YBhg. Profesor Dr. Mohd Sazili bin Shahibi. Dalam ucapannya YBhg. Prof. amat mengalu-alukan kunjungan hormat PTAR dan berharap akan terhasil program usahasama antara PTAR dan pejabat HEP. Turut disentuh iaitu fungsi PTAR sebagai pusat pengumpulan maklumat dan rujukan warga universiti.

Kunjungan hormat ini diteruskan dengan sesi taklimat dan perkongsian maklumat yang telah disampaikan oleh empat orang wakil PTAR iaitu Encik Jamalludin bin Hj. Sulaiman, Ketua Timbalan Pustakawan; Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli, Timbalan Ketua Pustakawan Bahagian Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan; Ts. Tuan Haji Azizi bin Jantan, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Jabatan Perpustakaan Digital dan Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman, Pustakawan Kanan Jabatan Arkib Universiti.

Di akhir sesi, Encik Jamalludin dan Profesor Dr. Mohd Sazili telah saling bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda penghargaan oleh kedua belah pihak.

